

148 ahli Parlimen masih taat setia

Kuala Lumpur: Ketua Sekretariat Kerajaan Perpaduan, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim masih memiliki sokongan kukuh daripada 148 ahli Parlimen.

Keadaan itu dengan sendirinya menafikan dakwaan beberapa pemimpin pembangkang yang memberi bayangan kononnya Kerajaan Perpaduan kini tergugat dengan jumlah ahli Parlimen yang menyokong pentadbiran Anwar semakin berkurangan.

Asyraf Wajdi yang juga Setiausaha Agung UMNO, menyifatkan tindakan pembangkang menyebut angka tertentu bagi memberi bayangan mengenai gerakan menjatuhkan kerajaan, bermotifkan cemburu selepas gagal berkuasa selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

“Alhamdulillah, 148 ahli Parlimen yang menandatangani memorandum persefahaman Kerajaan Perpaduan masih kukuh.

“Apa yang penting ialah medan untuk berbincang dan perundingan (antara parti dalam Kerajaan Perpaduan) sentiasa berjalan, bukan setiap bulan tapi setiap minggu.

“Saya sebagai ketua sekretariat sentiasa memastikan komunikasi berjalan.

“Contohnya untuk Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan, kita adakan banyak siri mesyuarat dan bukan *one man show* atau satu, dua parti mendominasi yang lain.

“Biasalah, orang yang tak senang dengan kekuatan dan kekukuhan yang kita ada ini ialah mereka yang cemburu kerana tak dapat membentuk kerajaan di peringkat awal,” katanya pada sidang media di Menara Dato Onn di sini, semalam.

Beliau berkata diminta mengulas dakwaan beberapa pihak Kerajaan Perpaduan kini tergugat dan semakin hilang majoriti sokongan Ahli Parlimen.

Ya susulan tindakan Ahli Ma-

jlis Pimpinan Tertinggi BERSATU, Dr Muhammad Faiz Na'aman yang memberi bayangan mengenai gerakan menumbangkan Kerajaan Perpaduan, apabila memuat naik angka 126 di Facebook miliknya.

Sementara itu, ditanya mengenai perkembangan rundingan kerusi di enam pilihan raya negeri (PRN) akan datang, Asyraf memaklumkan ia masih berjalan dengan positif.

Tegasnya, pertindihan kerusi yang dituntut beberapa parti gabungan Kerajaan Perpaduan dalam rundingan itu bukan sesuatu yang luar biasa, sebaliknya ia sudah dijangka memandangkan Barisan Nasional (BN) memang menentang Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

“Pembahagian kerusi sedang berjalan dan amat positif dan saya jangka boleh dimuktamadkan dalam masa terdekat.

“Semua enam negeri ada pertindihan kerusi kerana sebelum ini memang BN bertanding lawan PH, tapi perbincangan berjalan dengan amat positif dan konstruktif,” katanya.

Rakyat pasti tolak

Di **Butterworth**, Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, yakin rakyat akan menolak pihak terabit dalam gerakan menumbangkan kerajaan yang dibentuk secara sah.

Katanya, rakyat sudah membuat keputusan pada PRU15 sehingga terbentuknya Kerajaan Perpaduan.

“Dalam hal ini (gerakan jatuhkan kerajaan), banyak komen dibuat dan rakyat sudah buat keputusan, semua parti mencapai persetujuan manakala Kerajaan Perpaduan juga telah dibentuk.

“Akta Anti-Lompat Parti sudah ada tetapi masih ada orang cakap bukan-bukan dan (seolah-olah) memaksa diadakan pilihan raya semula,” katanya.